

## ORIGINAL ARTICLE



**MJSSH**  
Muallim Journal of  
Social Science and Humanities

## KESAN DIRECTED READING THINKING ACTIVITY (DRTA) DALAM MENINGKATKAN TAHAP PENCAPAIAN KEFAHAMAN MEMBACA PELAJAR

## THE EFFECT OF DIRECTED READING THINKING ACTIVITY (DRTA) IN IMPROVING STUDENTS' COMPREHENSION

**Nurfatriah Mahadi<sup>1</sup>; Sri Kartika A. Rahman<sup>\*2</sup>  
Noradinah Jaidi<sup>3</sup>**

<sup>1</sup> Sultan Hassanal Bolkiah Institute of Education, Universiti Brunei Darussalam.

Email: [fatriah.hm@gmail.com](mailto:fatriah.hm@gmail.com)

<sup>2</sup> Sultan Hassanal Bolkiah Institute of Education, Universiti Brunei Darussalam.

Email: [kartika.rahman@ubd.edu.bn](mailto:kartika.rahman@ubd.edu.bn)

<sup>3</sup> Sultan Hassanal Bolkiah Institute of Education, Universiti Brunei Darussalam.

Email: [noradinah.jaidi@ubd.edu.bn](mailto:noradinah.jaidi@ubd.edu.bn)

\*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/271>

### Abstract

This study explores the strategy of Directed Reading Thinking Activity (DRTA) on the achievement of reading comprehension in Year 7 in one of the secondary schools in the Brunei and Muara districts, Brunei Darussalam. In addition, this study also examines students' perceptions of DRTA in teaching and learning comprehension in the classroom. The purpose of this study is to examine students' ability to comprehend the content of reading. This study uses an action research design, and the sample consisted of 14 students from Years 7 in moderate to weak levels. The results of this study were analysed using a paired t-test to assess whether there was a significant difference in the mean score in the achievement of the pre-study test and the post-study test of the students. In addition, the researcher also used mean scores to find out students' perceptions of DRTA techniques in teaching and learning comprehension. Based on paired t-test analysis, it shows a difference in the mean score in the achievement of pre-study test and post-study test of students,  $t(14) = -6.79$ ,  $p .000 < .005$ . While the results of the mean score analysis for students' perception of the DRTA technique in teaching and learning comprehension show a positive reaction and response between a mean of 3.07 to 3.57. Therefore, the overall study of the DRTA technique proves that this technique can improve student achievement in reading and comprehension.

**Keywords:** Directed Reading Thinking Activity, Narrative, Comprehension.

### Abstrak

Kajian ini mengenal pasti strategi Directed Reading Thinking Activity (DRTA) terhadap pencapaian kefahaman membaca pelajar Tahun 7 di salah sebuah sekolah menengah di daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam. Selain itu, kajian ini juga mengenal pasti persepsi pelajar terhadap penggunaan teknik DRTA di dalam pengajaran dan pembelajaran bacaan dan kefahaman di dalam kelas. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk menilai kebolehan pelajar memahami isi bacaan. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tindakan dan sampel bagi kajian melibatkan 14 orang pelajar tahun 7 bertahap sederhana lemah. Hasil kajian ini dianalisis menggunakan ujian-t berpasangan untuk menilai sama ada terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min dalam pencapaian ujian prakajian dan ujian pascakajian pelajar. Di samping itu, pengkaji juga menggunakan skor pengiraan min bagi mengetahui persepsi pelajar terhadap teknik DRTA dalam pengajaran dan pembelajaran kefahaman. Berdasarkan analisis ujian-t berpasangan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor min dalam pencapaian ujian prakajian dan ujian pascakajian pelajar,  $t(14) = -6.79$ ,  $p .000 < .005$ . Manakala hasil analisis skor pengiraan min bagi persepsi pelajar terhadap teknik DRTA dalam pengajaran dan pembelajaran kefahaman menunjukkan reaksi dan respon yang positif iaitu di antara min 3.07 hingga 3.57. Oleh yang demikian, secara keseluruhannya kajian terhadap teknik DRTA ini membuktikan bahawa teknik ini dapat meningkatkan pencapaian pelajar dalam bacaan dan kefahaman.

**Kata Kunci:** *Directed Reading Thinking Activity (DRTA)*, Naratif, Kemahiran kefahaman membaca

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 14<sup>th</sup> January 2024, revised 30<sup>th</sup> January 2024, accepted 12<sup>th</sup> February 2024

### Pengenalan

Membaca merupakan asas kemahiran yang penting dalam pembelajaran. Tanpa menguasai asas membaca, kemahiran-kemahiran yang lain akan sukar dikuasai dan boleh dianggap suatu kegagalan dalam pembelajaran. Menurut Siti Faridah (2020)<sup>1</sup>, membaca diumpamakan sebagai jambatan yang menghubungkan pengetahuan dan juga sebagai batu pengasah untuk menajamkan minda pelajar. Pihak Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam (NBD) telah berusaha dengan menyediakan pelbagai program bagi meningkatkan kemahiran membaca dalam kalangan pelajar seperti Program *Integrated Approach To Reading Acquisition* (TIARA) dan Program Pengukuhan Kemahiran Asas (PEKA). Program-program yang telah dijalankan hendaklah disusun dan dirancang dengan teliti. Ini kerana program membaca yang dihasilkan dengan teliti oleh para profesor pendidikan membaca bersama dengan guru-guru bahasa seperti yang telah dilaksanakan oleh agensi pendidikan di Hong Kong dan Taipei telah menunjukkan hasil yang sangat positif

dengan peningkatan kemampuan membaca pelajar-pelajar Hong Kong dan Taipei (Looi & Norfaneliza, 2020)<sup>2</sup>.

Walau bagaimanapun, untuk melahirkan pelajar yang mahir membaca dengan menguasai asas membaca yang baik, guru memainkan peranan dalam merangka dan mempelbagaikan strategi pengajaran membaca di dalam bilik darjah. Selain merangka strategi pengajaran, keberkesanan pengajaran membaca juga tertakluk kepada perancangan guru dalam membuat aktiviti pembelajaran yang lebih inovatif dan melibatkan pelajar belajar secara aktif (Tracy, Norjietta & Pujiati, 2020)<sup>3</sup>. Guru juga perlu mempunyai pengetahuan asas dalam mengenal pasti masalah-masalah penguasaan membaca dan langkah-langkah untuk mengatasi masalah-masalah tersebut. Oleh itu, pengajaran efektif adalah pengajaran yang menggunakan strategi, kaedah atau teknik membaca teks fahaman yang sesuai dengan tahap kognitif pelajar dan merupakan salah satu cara untuk membolehkan pelajar mengenal, memahami dan menghayati sesuatu petikan yang mereka baca. Oleh sebab itu, adalah amat penting guru mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran seperti yang ditekankan dalam Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN21) (Jabatan Perkembangan Kurikulum, 2009)<sup>4</sup>.

Menurut Marohaini (2014)<sup>5</sup>, proses membaca mempunyai beberapa susun tugas yang perlu dilakukan oleh pembaca seperti mengecam atau mengenal lambang-lambang atau perkataan-perkataan yang dilihat. Selain itu, proses membaca juga berkaitan dengan tugas pembaca mengaitkan lambang-lambang atau perkataan-perkataan dengan bunyi atau makna kemudian menterjemahkan makna perkataan-perkataan tersebut dengan mengaitkannya dengan pengetahuan sedia ada pembaca. Setelah itu, proses membaca akan diikuti dengan mengumpul dan mencantumkan idea-idea, perkataan-perkataan dan ayat-ayat sehingga menjadi sebuah idea yang lengkap dan akhirnya pembaca akan menghuraikan atau menjelaskan idea-idea tersebut kepada diri sendiri, kawan-kawan, guru atau ibu bapa.

Berdasarkan proses membaca di atas, dapatlah disimpulkan bahawa dalam menguasai kemahiran membaca memerlukan dua kemahiran iaitu membaca untuk mengenal dan membunyikan perkataan, frasa dan ayat (peringkat bacaan mekanis). Kemudian, peringkat seterusnya ialah memahami dan menaakul teks yang dibaca (peringkat kefahaman). Oleh yang demikian, dalam pengajaran dan pembelajaran membaca, guru perlu menggunakan strategi, kaedah dan teknik membaca yang khusus dan berkesan bagi setiap peringkat kemahiran membaca agar pelajar menjadi pembaca yang berjaya.

## **Latar Belakang Masalah**

Kemahiran membaca merupakan komponen penting yang perlu dikuasai oleh pelajar kerana tanpanya pelajar tidak akan dapat meneroka buku ilmiah ataupun buku bacaan lain (Tuan Jah & Faridah, 2011)<sup>6</sup>. Walau bagaimanapun, sesetengah pelajar mengalami kesukaran dalam proses membaca terutama yang melibatkan usaha untuk memahami isi kandungan teks (Yahya, 2008)<sup>7</sup>. Pelajar-pelajar di Negara Brunei Darussalam juga tidak ketinggalan dalam menghadapi permasalahan ini.

Ada beberapa faktor yang menyebabkan pelajar menghadapi masalah dalam memahami teks bacaan seperti penggunaan teks yang panjang dan sukar untuk pelajar fahami serta pemilihan

kata yang tidak bersesuaian dengan tahap kebolehan pelajar. Malah masalah pemilihan petikan teks ini juga boleh menghalang pelajar untuk bergiat aktif di dalam kelas ditambah lagi dengan kaedah pengajaran guru yang tidak berpusat kepada pelajar. Selain itu, masalah ini berlaku disebabkan masa pengajaran yang tidak mencukupi dan persekitaran yang tidak kondusif untuk guru menggunakan teknik-teknik yang tertentu untuk dilaksanakan di dalam kelas bagi membantu pelajar yang mempunyai masalah dalam memahami teks. Kesemua faktor ini saling berkait rapat antara satu dengan yang lain. Faktor-faktor ini boleh dikategorikan sebagai faktor individu, psikologi, kaedah pengajaran guru, masa pengajaran, persekitaran dan petikan teks kefahaman yang digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas (Tamam, Zamri & Afendi, 2011)<sup>8</sup>.

Berdasarkan faktor-faktor di atas, pengkaji mendapati masalah utama yang dihadapi oleh pelajar adalah faktor individu dan pengajaran guru. Masalah ini dapat dibuktikan berdasarkan hasil temu bual yang dilakukan ke atas guru-guru Bahasa Melayu yang menyatakan bahawa kebanyakan pelajar mengalami kesukaran memahami petikan fahaman disebabkan kurang pengetahuan sedia ada mengenai pembendaharaan kata yang digunakan. Keterbatasan dalam menguasai kosa kata dan tatabahasa juga merupakan faktor pelajar kurang berminat terhadap bahasa Melayu (Mohamed Noh & Fadilah, 2020)<sup>9</sup>. Selain itu, sesetengah pelajar tidak memahami isi keseluruhan teks yang diberikan. Perkara ini disebabkan oleh faktor individu pelajar yang mempunyai ingatan yang lemah dan tidak dapat mengingati maklumat yang telah dipelajari dalam jangka masa yang panjang (Tamam, Zamri & Afendi, 2011)<sup>8</sup>. Guru-guru yang ditemu bual juga didapati menggunakan strategi pengajaran membaca yang konvensional yang tidak menjurus pada mana-mana strategi pengajaran membaca yang khusus seperti yang terdapat dalam kajian-kajian amalan pengajaran membaca.

Hal ini mendorong pelajar tersebut kurang berminat untuk membaca bahan-bahan bacaan dan tidak mengambil perhatian semasa belajar. Minat dan motivasi membaca akan membantu pelajar membaca dengan lebih baik. Maka guru mempunyai peranan penting dalam menyediakan pengajaran membaca yang lebih menarik dan membantu pelajar untuk terus berminat dan bermotivasi untuk membaca (Toste et. al., 2020)<sup>10</sup>. Oleh itu, salah satu cara untuk mengatasi masalah ini adalah dengan memberikan atau memperlihatkan kepada pelajar ayat atau perenggan yang telah dipotong untuk mencungkil rasa ingin tahu dan menarik minat mereka untuk aktif di dalam kelas. Selain itu, teknik ini juga boleh membantu pelajar meningkatkan lagi mutu bacaan mereka. Hal ini bersesuaian dengan pendapat Sharon dan Candace (2012)<sup>11</sup> yang menyatakan bahawa perenggan yang dipotong dapat menolong pelajar untuk meningkatkan pembacaan mereka dari segi ketepatan dan kelajuan ketika membaca.

Selain itu, terdapat masalah lain yang dihadapi oleh pelajar dalam membaca dan memahami petikan fahaman. Masalah ini terbukti apabila pelajar tidak dapat menjawab soalan pada aras tinggi dalam domain taksonomi Bloom iaitu dalam aras menganalisis, menilai dan mencipta. Yahya dan Raini (2013)<sup>12</sup> juga berpendapat bahawa kebanyakan pelajar sukar untuk menjawab soalan yang melibatkan kemahiran berfikir aras tinggi. Selain itu, Tamam, Zamri & Afendi (2011)<sup>8</sup> menyatakan antara faktor masalah membaca adalah kerana kaedah pengajaran yang tidak bersesuaian digunakan oleh guru. Salah satu contohnya, kajian Zamri (2008)<sup>13</sup> menyatakan bahawa kebanyakan guru Bahasa Melayu mengendalikan pengajaran bacaan dan kefahaman dengan memberi tumpuan kepada latihan menjawab soalan sahaja. Ini menunjukkan guru tidak memfokuskan pada petikan bacaan dan kefahaman pelajar sehingga mendorong pelajar

tidak dapat memahami isi yang disampaikan di dalam petikan tersebut dan menjadikan mereka gagal untuk menjawab soalan pada aras tinggi. Oleh itu, bagi mengatasi masalah ini, guru perlu menekan kemahiran berfikir secara kritis dalam diri pelajar apabila membaca dan memahami isi teks petikan bagi membantu mereka menyelesaikan masalah pada soalan aras tinggi. Menurut Idris, Rodiah, Ariffin, Siti Rahayah, Mohd Ishak & Noriah (2009)<sup>14</sup> kemahiran berfikir secara kritikal dan menyelesaikan masalah membolehkan pelajar mengenal pasti dan mensintesis masalah dengan tepat serta menjana bukti dan data yang menyokong dengan tepat dan menyeluruh. Selain itu, kemahiran ini juga membolehkan pelajar membezakan dengan jelas fakta dengan pendapat yang diutarakan; mengenal pasti konteks serta skop isu atau permasalahan yang dikaji dengan jelas; mengenal pasti kemungkinan-kemungkinan bias dan membuat keputusan dengan tepat. Di samping itu, kemahiran berfikir secara kritikal dan menyelesaikan masalah juga membolehkan pelajar untuk dapat menjelaskan implikasi keputusan yang dijana dan mempersembahkan refleksi terhadap keputusan secara objektif.

Secara keseluruhannya, masalah kegagalan dan kelemahan pelajar dalam menguasai kemahiran membaca dengan baik tidak harus dipandang ringan kerana ia boleh menimbulkan implikasi yang buruk terhadap pembelajaran pelajar. Oleh itu, bagi mengatasi masalah ini, guru perlu meneliti secara lebih mendalam terhadap langkah-langkah positif yang perlu diambil agar masalah pelajar yang tidak tahu membaca tidak menjadi semakin serius pada masa yang akan datang. Beberapa pendekatan yang positif dalam pengajaran membaca hendaklah diadaptasikan supaya masalah-masalah di atas dapat dikurangkan dan diatasi contohnya memperkenalkan kepada pelajar teknik-teknik pengajaran dan pembelajaran yang baharu serta menyeronokkan yang berpusat kepada pelajar dan bukannya teknik konvensional. Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa masalah pelajar kurang memahami petikan dan tidak mampu menjawab soalan pada aras tinggi juga sememangnya dialami oleh pelajar yang dikaji oleh pengkaji. Hal ini kerana pengkaji merupakan guru pelatih di salah sebuah sekolah di daerah Brunei dan Muara. Maka sebagai langkah untuk mengatasi masalah ini, kajian ini sesuai untuk digunakan dan diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran bacaan dan kefahaman. Tujuan utamanya adalah bagi membantu mengatasi masalah membaca dan masalah tidak dapat memahami petikan kefahaman yang diberikan kepada pelajar. Justeru itu, pelajar didedahkan dengan cara membaca potongan ayat atau perenggan tertentu untuk memudahkan mereka meningkatkan mutu bacaan dan kefahaman mereka dan menerapkan amalan membuat ramalan sebelum membaca agar kemahiran berfikir secara kritis dalam menyelesaikan masalah bagi menjawab soalan aras tinggi dapat diatasi oleh pelajar. Kedua-dua cara ini iaitu memotong ayat atau perenggan tertentu dan membiarkan pelajar membuat ramalan sebelum membaca adalah asas utama yang diperlukan di dalam teknik DRTA. Pelajar akan membaca secara aktif di dalam kelas kerana teknik ini berpusatkan kepada pelajar dan guru hanya sebagai fasilitator bagi merangsang idea pelajar dalam membuat ramalan dan memahami petikan naratif bagi membantu pelajar untuk mengembangkan kemahiran mereka dalam membaca.

### **Objektif & Soalan Kajian**

Objektif kajian secara umumnya adalah bertujuan untuk meningkatkan pencapaian pelajar Tahun 7 dalam memahami petikan fahaman berbentuk naratif. Berdasarkan objektif kajian ini, di harap dapat menjawab soalan berikut:

- 1) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min pencapaian kefahaman pelajar dalam ujian prakajian dan ujian pascakajian?

- 2) Apakah persepsi pelajar terhadap teknik DRTA dalam pengajaran dan pembelajaran kefahaman?

### *Directed Reading Thinking Activity*

DRTA merupakan akronim daripada *Directed Reading Thinking Activity*. Pada tahun 1969, Stauffer adalah orang yang memperkenalkan DRTA. Tujuannya untuk melahirkan pembaca yang dapat berfikir, belajar dan menguji kemampuan dirinya sendiri. DRTA merupakan kesinambungan bagi DRA (Direct Reading Activity). Selain itu, tujuan DRTA juga adalah untuk mengembangkan lagi pemahaman pelajar dengan cara membuat andaian berdasarkan pengetahuan sedia ada dan mengabungkannya dengan maklumat yang baru dibaca. Oleh itu, teknik DRTA ini dikatakan mampu meningkatkan tahap kemahiran membaca dan berfikir secara kritis dalam memahami petikan. Menurut Gunning (2010)<sup>15</sup>, reka bentuk DRTA ini bertujuan untuk menekankan keupayaan pelajar untuk menilai bahan bacaan mereka dengan menggunakan strategi meramal dan membuat *preview* petikan yang diberikan untuk mengatur tujuan mereka membaca.

Sehubungan dengan itu, ke arah mencapai matlamat teknik DRTA ini, beberapa langkah yang dibuat oleh Stauffer perlu diikuti oleh guru. Langkah pertama bagi teknik ini adalah *Directed* iaitu guru mengarahkan pelajar untuk membuat andaian berdasarkan gambar atau tajuk sebelum pelajar memulakan bacaan mereka. Selain itu, bahan yang digunakan hendaklah sesuatu yang belum pernah didedahkan kepada pelajar sebelumnya.

Kemudian langkah seterusnya adalah *Reading* iaitu pelajar diminta membaca ayat atau perenggan yang telah dipotong (*chunk*). Akan tetapi, data yang dipaparkan kepada pelajar perlulah mempunyai isi yang dapat memberi pelajar idea untuk membuat andaian yang seterusnya. Manakala langkah ketiga adalah *Thinking* iaitu pelajar perlu berfikir dan membuat andaian dan memperbaiki andaian setiap kali mereka membaca potongan petikan yang dipaparkan kepada mereka. Proses ini akan dilakukan sehingga akhir petikan. Pada akhir petikan, pelajar akan melihat kembali keseluruhan petikan dan membuat perbezaan terhadap andaian yang mereka lakukan dengan teks yang sebenar. Kemudian pelajar akan membuat penilaian terhadap andaian mereka sama ada betul ataupun salah. Langkah terakhir adalah pelajar membuat latihan bagi menguji kefahaman mereka. Secara umumnya, DRTA menggunakan strategi ramalan atau pengaktifan pengetahuan sedia ada. Menurut Pilten (2010)<sup>16</sup>, strategi ramalan merupakan langkah yang digunakan oleh pembaca yang mahir dalam memahami makna teks semasa mereka membaca.

Akan tetapi Blachowicz dan Ogle (2001)<sup>17</sup> telah menggubal langkah-langkah tersebut dengan lebih terperinci. Tujuan langkah ini digubal adalah untuk menolong pelajar membuat dan mengkaji atau analisis andaian sebelum, semasa dan selepas membaca petikan yang disediakan. Langkah-langkah bagi teknik ini telah dipecah kepada sebelas bahagian iaitu;

1. Guru mengedarkan bahan bacaan dan pengurusan grafik DRTA kepada setiap pelajar.
2. Sebelum membaca, guru bersama-sama pelajar membincangkan tajuk.
3. Setelah itu, barulah guru menunjukkan gambar, rajah atau perkataan yang ditebalkan di dalam petikan dan seterusnya menyoal pelajar tentang pendapat mereka mengenai tajuk tersebut berdasarkan petunjuk yang diberikan.
4. Kemudian guru memanggil beberapa orang wakil pelajar untuk mengongsikan andaian mereka dan membincangkan bersama pelajar yang lain cara menghasilkan andaian yang

baik dan mengarahkan mereka mencatat andaian tersebut di dalam pengurusan grafik DRTA.

5. Guru mengarahkan pelajar membaca bahagian awal petikan.
6. Guru mengarahkan pelajar untuk memikirkan kembali andaian yang dihasilkan dan pelajar perlu membuktikan sama ada andaian tersebut betul atau salah.
7. Guru mengarahkan pelajar untuk mengulang kembali andaian mereka dan membuat andaian baharu.
8. Guru memanggil wakil pelajar untuk mengongsikan andaian baharu mereka dan membincangkannya bersama pelajar yang lain cara menghasilkan andaiaan yang baik dan mencatatkan andaian tersebut di dalam pengurusan grafik DRTA.
9. Kemudian guru perlu mengulang kembali prosedur yang sama sehingga kesemua petikan selesai dibaca.
10. Setelah itu, guru mengarahkan pelajar untuk membuat refleksi terhadap andaian mereka.
11. Guru memanggil wakil pelajar untuk mengongsikan refleksi mereka.
12. Berdasarkan langkah-langkah yang dinyatakan di atas, pengkaji lebih cenderung menggunakan langkah yang diperkenalkan oleh Blachowichz And Ogle (2001)<sup>17</sup> kerana langkah-langkah ini lebih mudah diikuti dan penerangan bagi prosesnya lebih terperinci daripada yang sebelumnya.

## Metodologi

### Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah berdasarkan kajian tindakan (*Action Research*) yang bersifat kuantitatif yang melibatkan pelajar yang berada pada tahap sederhana. Pengkaji menggunakan model kajian tindakan Somekh (1989)<sup>18</sup>. Selain itu, kajian ini juga menggunakan kajian tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik untuk melihat persepsi pelajar terhadap penggunaan teknik DRTA dalam pengajaran dan pembelajaran.

Reka bentuk kajian tindakan Somekh digunakan bertujuan untuk memberi rawatan kepada pelajar sasaran terhadap penggunaan teknik DRTA dan melalui reka bentuk ini pengkaji akan menilai keberkesanan teknik ini dengan melihat perbezaan skor markah ujian prakajian dan ujian pascakajian. Penilaian untuk mendapat skor ujian prakajian ini dilakukan sebelum rawatan terhadap pelajar. Manakala ujian pascakajian pula dijalankan selepas empat kali rawatan dijalankan kepada pelajar.

Model kajian tindakan Somekh dalam 1 kitaran mencakupi 8 proses (Rajah 1) yang diawali dengan pengkaji mengenal pasti fokus yang dikaji atau masalah pelajar iaitu pengkaji membuat refleksi sendiri terhadap pengajaran dan pembelajaran pelajar. Setelah itu, pengkaji mengumpul maklumat berdasarkan masalah atau fokus yang dikaji iaitu berdasarkan pemerhatian, latihan dalam kelas, rekod pelajar, sukatan pelajaran, buku teks dan sebagainya. Kemudian barulah pengkaji menganalisis data dan membentuk hipotesis dan seterusnya merancang pelan tindakan. Perancangan ini membabitkan huraian mengenai tindakan yang dirancang, sebab-sebab tindakan dijalankan, rutin, aktiviti, penilaian dan bahan-bahan yang digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Setelah perancangan pelan tindakan dilakukan, pengkaji terus melaksanakan pelan tindakan tersebut dan kemudiannya mengumpul data untuk mengesan

perubahan serta menganalisis dan menilai keberkesanan pengajaran tersebut. Manakala dalam langkah 5, 6 dan 7 (Rajah 1), ianya membabitkan pelaksanaan, memantau dan mengubah suai langkah-langkah yang dirancang dalam langkah 4. Setelah itu, pengkaji dapat melanjutkan kitaran yang seterusnya jika pengajaran tersebut berjaya. Dalam kajian ini, pengkaji hanya melakukan 1 kitaran dengan melaksanakan 4 kali pengajaran dalam proses ke-5.



Gambarajah 1. Model Kajian Tindakan Somekh (1989)<sup>18</sup>

### Tempat dan Responden Kajian

Sampel bagi kajian ini melibatkan seramai 23 orang pelajar tahun 7 di salah sebuah sekolah di Daerah Brunei Muara. Akan tetapi, jumlah keramaian pelajar ini menurun kepada 14 orang sahaja disebabkan ada di antara pelajar ini tidak dapat menghadiri ujian prakajian dan/atau ujian pascakajian atas sebab-sebab yang tidak dapat dihalang. Subjek bagi kajian ini berumur sekitar 11-15 tahun. Kesemua sampel kajian ini adalah berbangsa Melayu. Selain itu, pemilihan responden adalah berdasarkan tahap kebolehan responden pada tahap sederhana sahaja.

### Instrumen Kajian

Instrumen kajian adalah alat untuk mengumpul data dan maklumat yang diperlukan di dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan dua instrumen iaitu dua set ujian kefahaman dan set borang kaji selidik.

#### *Set Ujian Kefahaman*

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan 2 set ujian kefahaman yang digunakan dalam ujian prakajian dan ujian pascakajian. Setiap set ujian kefahaman mengandungi satu petikan fahaman berbentuk naratif yang berlainan dan 5 soalan subjektif berdasarkan domain Bloom iaitu aras pengetahuan, pemahaman, sintesis, analisis dan penilaian. Manakala markah keseluruhan bagi ujian kefahaman ini adalah sebanyak 15 markah. Bagi menentukan dan memastikan kesahan muka petikan fahaman naratif dan pembinaan item serta pembahagian markah yang digunakan, pengkaji



telah merujuk tiga orang guru Bahasa Melayu yang berpengalaman dan penyelia bagi mengenal pasti kelemahan dan kekurangan petikan serta item yang digunakan.

### *Borang Kaji Selidik*

Pengkaji menggunakan borang kaji selidik yang diadaptasi daripada Nurul Hidayah (2008)<sup>24</sup> bagi mengenal pasti persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran menggunakan teknik DRTA. Borang kaji selidik ini diedarkan selepas pengajaran DRTA dilaksanakan iaitu setelah pelajar menjalankan ujian pascakajian. Selain itu, borang kaji selidik juga mempunyai dua bahagian iaitu bahagian A adalah mengenai data peribadi pelajar dan bahagian B pula berkaitan dengan persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran menggunakan teknik DRTA. Bahagian ini mempunyai 10 item yang akan diukur menggunakan skala likert iaitu dari “1 = Sangat tidak setuju”, “2 = Tidak setuju”, “3 = Setuju” dan “4 = Sangat setuju”.

### **Analisis Data**

Penganalisan data bagi kajian ini adalah menggunakan *The Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 21* untuk mendapatkan data yang diperlukan secara deskriptif dan inferensi. Jadual 1 berikut adalah rumusan penganalisan data kajian ini.

Jadual 1

#### *Rumusan Penganalisan Data*

<b>Soalan Kajian</b>	<b>Instrumen Kajian</b>	<b>Statistik (Penganalisan Data)</b>
Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min pencapaian kefahaman pelajar dalam ujian prakajian dan pascakajian?	Skor ujian prakajian dan pascakajian	SPSS versi 21 menggunakan analisis inferensi iaitu Ujian-t berpasangan ( <i>paired t-test</i> )
Apakah persepsi pelajar terhadap teknik DRTA dalam pengajaran dan pembelajaran kefahaman?	Borang kaji selidik	SPSS versi 21 menggunakan analisis deskriptif (min)

### **Hasil Dapatan Kajian**

#### **Keputusan dan Analisis Persoalan Kajian 1: Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min bagi pencapaian kefahaman pelajar dalam ujian prakajian dan ujian pascakajian?**

Analisis adalah berdasarkan 100% (n=14) daripada sampel yang dipilih untuk mengikuti kajian ini. Pengkaji menganalisis skor ujian prakajian dan skor ujian pascakajian dengan menggunakan ujian-t berpasangan (*paired t-test*) untuk mendapatkan skor min bagi kedua-dua ujian dan seterusnya menilai perbezaan aras signifikan terhadap skor min bagi instrumen kajian ini.

Jadual 2

*Hasil Skor Ujian Prakajian Dan Ujian Pascakajian*

Ujian	N	Min	Sisihan Piawaian (SP)	Nilai-t	Aras Signifikan (p)
Prakajian	14	6.57	2.23	-6.793	.000
Pascakajian		10.60	3.25		

Jadual 2 menunjukkan skor min pencapaian keseluruhan bacaan dan fahaman pelajar dalam ujian prakajian dan ujian pascakajian. Dalam ujian prakajian, skor min pencapaian keseluruhan pelajar ialah 6.57 dan SP pula sebanyak 2.23. Sementara skor min pencapaian keseluruhan bacaan dan fahaman dalam ujian pascakajian pula ialah 10.60 dengan SP sebanyak 3.25. Oleh itu, perbezaan skor min antara kedua-dua ujian ini adalah sebanyak 4.03. Perbezaan ini menunjukkan bahawa terdapat peningkatan terhadap pencapaian pelajar secara keseluruhan menggunakan teknik DRTA. Selain itu, hasil dapatan ujian-t ini juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan di antara skor ujian prakajian dan ujian pascakajian iaitu  $t(14) = -6.79$ ,  $p < .005$ . Dapatan analisis ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor ujian prakajian dan ujian pascakajian menggunakan teknik DRTA.

### **Keputusan dan Analisis Persoalan Kajian 2: Apakah persepsi pelajar terhadap teknik DRTA dalam pengajaran dan pembelajaran kefahaman?**

Bahagian ini memfokuskan dapatan data kaji selidik dalam bahagian B sahaja iaitu hasil analisis bagi persepsi pelajar terhadap teknik DRTA dalam meningkatkan tahap pencapaian kefahaman pelajar. Kaji selidik yang diedarkan mempunyai 10 item dan pelajar perlu menjawab atau memberikan pendapat berdasarkan skor yang telah disediakan iaitu 1 bagi sangat tidak setuju, 2 bagi tidak setuju, 3 menunjukkan pelajar setuju dengan item tersebut dan 4 pula menunjukkan bahawa pelajar sangat bersetuju dengan pernyataan yang terdapat di dalam item kaji selidik yang diedarkan oleh pengkaji.

Jadual 3

*Hasil Dapatan Soalan Kaji Selidik*

No	Item	Min	Sisihan piawaian (SP)
1.	Saya dapat memahami pengajaran yang diajarkan menggunakan teknik DRTA dengan lebih jelas.	3.50	.519
2.	Penggunaan teknik DRTA dapat meningkatkan prestasi dan kemajuan pembelajaran saya.	3.36	.497
3.	Penggunaan teknik DRTA meningkatkan pemahaman saya dalam membaca.	3.57	.514
4.	Saya merasakan bahawa penggunaan teknik DRTA tidak membuatkan saya jadi lebih keliru.	3.29	.611

---

5.	Saya dapati guru dapat menyampaikan isi pelajaran dengan lebih baik dan berkesan dengan menggunakan teknik DRTA.	3.36	.633
6.	Saya dapat menumpukan sepenuh perhatian terhadap pengajaran guru apabila menggunakan teknik DRTA.	3.36	.842
7.	Saya amat tertarik dengan cara pembelajaran dengan menggunakan teknik DRTA.	3.50	.855
8.	Saya berasa sangat seronok apabila guru menggunakan teknik DRTA bagi menerangkan teks fahaman.	3.50	.650
9.	Saya suka untuk belajar dengan menggunakan teknik DRTA	3.07	.917
10.	Saya berasa seronok untuk belajar apabila guru menggunakan teknik DRTA	3.57	.646

---

Hasil dapatan bagi min kaji selidik (Jadual 3) menunjukkan kesemua item dijawab dengan positif dan ini membuktikan bahawa persepsi pelajar terhadap penggunaan teknik DRTA dalam pengajaran dan pembelajaran bacaan dan fahaman adalah disambut dan diterima baik oleh pelajar. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan purata min yang tertinggi bagi item kaji selidik ini adalah sebanyak 3.57 iaitu bagi item 10 yang menyatakan bahawa pelajar berasa seronok untuk belajar apabila guru menggunakan teknik DRTA dengan SP = .646 dan item 3 yang menyatakan penggunaan teknik DRTA meningkatkan pemahaman pelajar dalam membaca (SP = .514). Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa pelajar merasa seronok belajar menggunakan teknik ini berbanding teknik konvensional. Selain itu, dapatan ini juga menunjukkan bahawa teknik ini dapat meningkatkan pencapaian pelajar dalam bacaan dan fahaman.

Seterusnya diikuti dengan item 7 iaitu dengan pernyataan ‘saya amat tertarik dengan cara pembelajaran dengan menggunakan teknik DRTA’ dengan min sebanyak 3.50 (SP = .855). Hasil analisis ini membuktikan penggunaan teknik DRTA ini menarik minat dan perhatian pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain itu item 8 dan item 1 juga mencapai skor min yang sama dengan item 7. Bagi item 8, skornya sebanyak  $m=3.50$ , SP = .650 yang menyatakan bahawa pelajar berasa seronok apabila pengkaji menggunakan teknik DRTA bagi menerangkan teks fahaman kepada mereka. Manakala pernyataan bagi persepsi pelajar dalam item 1 menunjukkan skor min 3.50, SP = .519. Hal ini menunjukkan reaksi positif terhadap persepsi pelajar dalam memahami dengan jelas pengajaran kefahaman yang diajarkan menggunakan teknik DRTA disebabkan cara teknik ini menarik dan menyeronokkan berbanding dengan teknik yang biasa mereka pelajari.

Sementara dapatan purata min sebanyak 3.36 diperolehi dalam item 6 iaitu bagi pernyataan ‘saya dapat menumpukan sepenuh perhatian terhadap pengajaran guru apabila menggunakan teknik DRTA’ dengan SP = .842 dan item 2 bagi pernyataan ‘penggunaan teknik DRTA dapat meningkatkan prestasi dan kemajuan pembelajaran saya’ dengan SP = .497. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar setuju bahawa teknik ini membolehkan mereka memberikan

tumpuan sepenuhnya terhadap pengajaran guru dan sekaligus mampu meningkatkan prestasi dan kemajuan pembelajaran bacaan dan fahaman mereka.

Manakala item 4 dan item 9 menunjukkan purata min yang terendah di antara semua item. Walau bagaimanapun kedua-dua item ini masih juga menunjukkan persepsi yang positif dalam kalangan pelajar iaitu dengan skor min sebanyak 3.29,  $SP = .611$  bagi item 4 dan item 9 pula sebanyak  $m = 3.07$ ,  $SP = .917$ . Kedua-dua item ini membuktikan bahawa kebanyakan pelajar bersetuju bahawa teknik ini tidak membuatkan mereka keliru dalam lebih memahami isi kandungan petikan naratif yang disediakan dan mereka juga berpendapat bahawa mereka menyukai guru menggunakan teknik ini dalam pengajaran dan pembelajaran mereka.

Secara umumnya, hasil dapatan ini jelas menunjukkan bahawa pelajar mempunyai persepsi yang positif terhadap teknik DRTA dalam pengajaran dan pembelajaran bacaan dan fahaman. Selain itu, dapatan ini juga menunjukkan bahawa teknik ini telah berjaya menarik minat pelajar untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Malah pelajar dapat meningkatkan pencapaian mereka dalam bacaan dan fahaman menggunakan teknik ini.

## **Perbincangan**

Berdasarkan hasil dapatan yang diperolehi dalam kajian ini, amat bertepatan dan selaras dengan dapatan yang diperolehi oleh pengkaji-pengkaji lepas seperti El-Koumy (2006)<sup>19</sup>, Sudirman & Edi (2019)<sup>20</sup>, Talal (2012)<sup>21</sup>, Arini & Putri (2019)<sup>22</sup>, Aulia Rahman dan Akhyak (2013)<sup>23</sup> dan banyak lagi. Kebanyakan kajian-kajian ini menunjukkan teknik DRTA dapat diguna pakai dalam kesemua peringkat pelajar sama ada peringkat rendah atau menengah, pelajar normal atau pun autism.

Selain itu, kajian ini juga mendapatkan maklumat terus daripada pelajar berdasarkan skor ujian dan borang kaji selidik yang diedarkan kepada pelajar. Setelah penilaian dilakukan ke atas kajian ini, pengkaji mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam kedua-dua ujian yang dijalankan. Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa pencapaian pelajar juga semakin menunjukkan peningkatan dari masa ke masa semasa strategi DRTA diberikan kepada pelajar-pelajar ini.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji terhadap jawapan yang diberikan dalam ujian prakajian, pengkaji mendapati lebih daripada separuh pelajar-pelajar ini tidak dapat menjawab soalan pada aras tinggi kerana mereka tidak dapat memahami kandungan petikan dengan jelas. Hal ini disebabkan kerana pelajar-pelajar ini tidak mempunyai kemahiran membaca kefahaman yang sistematik. Mereka hanya memetik sahaja petikan yang ada di dalam petikan tanpa memahami isi kandungan petikan dan maksud soalan. Oleh itu, guru perlu sentiasa bersedia untuk merubah perancangan pengajaran bagi membantu dan meningkatkan pencapaian kemahiran membaca pelajar (Bawani, 2021)<sup>24</sup>.

Kajian Rosdaliana (2017)<sup>25</sup>, dan kajian Devi Setyarini & Nyoto Hardjono (2019)<sup>26</sup> menunjukkan setelah menggunakan teknik DRTA, pelajar-pelajar mereka menunjukkan peningkatan yang positif pada setiap rawatan yang diberikan. Guru dalam kajian ini juga membantu pelajar memperbaiki cara menjawab soalan aras tinggi dengan menggunakan teknik

DRTA dan hasilnya pelajar-pelajar ini tidak lagi memetik sepenuhnya daripada petikan, akan tetapi mereka lebih selesa menggunakan ayat sendiri berdasarkan pemahaman mereka dalam petikan yang mereka baca. Oleh yang demikian, guru mempunyai peranan yang penting dalam menyampaikan strategi membaca yang efektif. Menurut Mageswary dan Kannaddasan (2021)<sup>27</sup> guru perlu sentiasa melaksanakan aktiviti pengajaran yang menggalakkan kemahiran berfikir aras tinggi agar pelajar lebih bersedia dan terbiasa dalam menghadapi pendidikan pada masa ini.

Dari segi pemerhatian pengkaji terhadap sikap dan respon pelajar di dalam pengajaran dan pembelajaran menggunakan teknik DRTA menunjukkan bahawa pelajar-pelajar ini telah menunjukkan sikap dan respon yang sangat baik yang mana majoriti daripada pelajar ini menunjukkan sikap yang semakin positif dan aktif di dalam kelas dalam membuat andaian atau ramalan dan menjawab soalan pengkaji. Mereka juga tidak merasa takut untuk menjawab atau memberi andaian kepada pengkaji. Perkara ini membuktikan bahawa teknik ini berjaya menarik minat mereka untuk menumpukan perhatian kepada pengajaran guru di dalam kelas. Mewujudkan keseronokan ketika belajar bukan sahaja menarik minat pelajar untuk terus belajar tetapi juga mewujudkan rasa kesungguhan dan mencintai apa-apa yang dilakukan oleh pelajar ketika belajar agar mereka terus membuat penerokaan dan penemuan baharu ketika menimba ilmu (Muhammad Rafi, 2020)<sup>28</sup>.

Walau bagaimanapun, ada di antara pelajar-pelajar ini tidak dapat mengikuti teknik ini dengan baik seperti yang dinyatakan di dalam dapatan kaji selidik item 9 dan 7. Hal ini disebabkan langkah-langkah teknik ini menjadikan pelajar lebih keliru dan hal ini menyebabkan pelajar tidak dapat mengikuti pengajaran guru dengan baik. Perkara ini terjadi disebabkan ada di antara pelajar masih belum dapat mengikuti teknik ini dengan baik kerana semasa kajian rawatan ini dijalankan ada di antara pelajar tidak menghadiri sesi rawatan pengajaran dan pembelajaran menggunakan teknik ini di dalam kelas.

Pada abad ini, pelajar bukan sahaja menguasai dan memahami isi pelajaran tetapi juga pelajar memahami dan menggunakan strategi belajar yang mudah mereka praktikan dan dapat dipindahkan ke situasi lain, strategi belajar yang menyeronokkan dan membantu pelajar belajar secara cekap yang bersifat sendiri (Norfaneliza, Looi & Wong, 2020)<sup>29</sup>. Secara keseluruhannya, teknik DRTA telah memberikan impak positif kepada pelajar dan mampu meningkatkan tahap pencapaian kefahaman pelajar dengan lebih baik. Selain itu, dapatan yang diperolehi bagi kedua-dua ujian ini membuktikan lagi bahawa teknik ini telah memberikan perbezaan yang signifikan ( $p < .005$ ) terhadap pengajaran dan pembelajaran pelajar di dalam kelas.

## **Kesimpulan Dan Cadangan**

Kajian ini telah membuktikan bahawa hasil dapatan daripada teknik DRTA ini sememangnya sangat berkesan dalam pengajaran bacaan dan kefahaman seperti yang telah dibuktikan oleh pengkaji-pengkaji lepas. Kajian ini juga telah memberi kesan yang positif kepada pelajar berdasarkan pemerhatian pengkaji dari segi sikap dan respon yang aktif daripada mereka berbanding dengan keadaan mereka pada mula-mula sebelum rawatan dijalankan ke atas mereka. Oleh itu, guru perlu menggalakkan dan mendorong pelajar untuk sentiasa bersikap positif dan tidak berasa takut untuk melakukan kesalahan di dalam kelas. Selain itu, berdasarkan persepsi pelajar dapat disimpulkan bahawa teknik ini telah menarik minat mereka untuk menumpukan perhatian

di dalam kelas dan membolehkan mereka untuk meningkatkan kefahaman dalam pengajaran bacaan dan kefahaman. Walau bagaimanapun, masih ada sedikit kelemahan dalam penerapan teknik ini terhadap sebilangan pelajar. Hal ini kerana kurangnya penerapan atau sesi rawatan yang perlu banyak dilakukan agar dapat memberi kefahaman kepada pelajar terhadap proses atau langkah-langkah teknik ini dilaksanakan di dalam kelas. Justeru itu, teknik ini masih perlu pendedahan yang kerap bagi meningkatkan mutu pencapaian pelajar dalam bacaan dan kefahaman. Oleh itu bagi kajian yang akan datang, pengkaji menyarankan supaya kajian lanjut dilakukan secara lebih mendalam dengan melibatkan sampel yang lebih ramai dan bilangan sekolah yang dipilih juga lebih menyeluruh. Hal ini kerana kajian ini hanya memfokuskan kepada pengajaran bacaan dan fahaman di sebuah sekolah menengah sahaja dan sampel yang terlibat hanya seramai 14 orang pelajar tahun 7 sahaja. Di samping itu, fenomena Pandemik Covid-19 sejak tahun 2020 telah memberi kesan kepada perubahan pengajaran dan pembelajaran pada masa kini. Walaupun banyak cabaran yang perlu guru hadapi, pengajaran dan pembelajaran menggunakan teknologi secara dalam talian tidak dapat diabaikan pada abad ini. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar kajian keberkesanan DRTA secara dalam talian dapat dijalankan pada masa akan datang.

## References

1. Siti Faridah Omar (2020). Pintar Membaca: Mengayakan Pembacaan Murid Melalui Cerita Asal Usul Nama Tempat Di Singapura. *MJSSH*, 4 (2), 93-118.
2. Looi Lay Hoon & Norfaneliza M. E. (2020). Kesan Penggunaan Strategi Membaca Terhadap Pencapaian Pemahaman Bacaan. *MJSSH*, 4 (2), 173-186.
3. Tracy V., Norjietta T. & Pujiati S. (2020). Keberkesanan Pembelajaran Modul BOROS MAAN Berasaskan Multimedia Interaktif Terhadap Pencapaian Murid dalam Kosa Kata. *MJSSH*, 4 (4), 90-96.
4. Jabatan Perkembangan Kurikulum. (2009). *Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21: SPN21 Brunei Darussalam*. Kementerian Pendidikan: Brunei.
5. Marohaini Yusoff. (2014). *Strategi Pengajaran Bacaan Dan Kefahaman Memantapkan Pembelajaran Di Sekolah Menengah*. Selangor: PTS Professional
6. Tuan Jah Tuan Yusof & Faridah Nazir. (2011). *Pengajaran Kemahiran Bahasa Melayu*. Selangor Darul Ehsan: Penerbitan Multimedia Snd. Bhd.
7. Yahya Othman. (2008). *Proses & Strategi Membaca Berkesan*. Selangor Darul Ehsan: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
8. Tamam Timbang, Zamri Mahamod & Afendi Hamat. (2011). Faktor dan kesan masalah membaca dalam kalangan murid sekolah rendah kerajaan di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 89-107.
9. Mohamed Noh Daipi & Fadilah Isnin (2020). Pengajaran dan Pembelajaran Penulisan Karangan Berdasarkan Gambar Bersiri dalam Kurikulum Pendidikan Sekolah Rendah Di Singapura. *MJSSH*, 4 (2), 33-55.
10. Toste, J. R., Didion, L, Peng, P., Filderman, M. J., McClelland, A. M. (2020). A Meta-Analytic Review of the Relations Between Motivation and Reading Achievement for K–12 Students. *Review of Educational Research*, 90 (3), 420–456.
11. Sharon, V. & Candace, S. B (2012). *Strategies For Teaching Students With Learning Dan Behavior Problems* (8th Ed.). Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Education, Inc.

12. Yahya Othman & Raini Pakar. (2013). Keberkesanan strategi metakognisi dalam pengajaran bacaan dan kefahaman menggunakan teks ekspositori. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 13 (3). pp. 133-149.
13. Zamri Mahamod. (2008). *Psikolinguistik Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
14. Idris, Rodiah, Ariffin, Siti Rahayah, Mohd Ishak & Noriah. (2009). Pengaruh kemahiran generik dalam kemahiran pemikiran kritikal, penyelesaian masalah dan komunikasi pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). *Malaysian Journal of Learning & Instruction*, 6. pp. 103-38.
15. Gunning, Y.G. (2010). *Assessing and Correcting Reading and Writing Difficulties* (4th Ed.). Boston, M.A: Allyn & Bacon.
16. Pilten, G. (2010). Evaluation Of The Skills Of 5th Grade Primary School Students' High-Order Thinking Levels In Reading. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 2 (2010), 1326–1331.
17. Blachowicz, C.L.Z., & Ogle, D. (2001). *Reading Comprehension: Strategies For Independent Learners*. New York: Guilford.
18. Somekh, B. (1989). Action Research and Collaborative School Development, in McBride, R. (ed.), *The In-service Training of Teachers*, London, New York: The Falmer Press, pp. 160-176.
19. El-Koumy, A. S. A. (2006). The Effects Of The Directed Reading-Thinking Activity On EFL Students' Referential And Inferential Comprehension. Education Resources Information Center (ERIC), USA. Retrieved Jun 2, 2022 from: [http://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract\\_id=2365150](http://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=2365150).
20. Sudirman & Edi Firman (2019). A Directed Reading-Thinking Activity (Dr-Ta) Towards Students 'Critical Reading. *JUPE: Jurnal Pendidikan Mandala*, 4 (4), 228-234.
21. Talal Abd Al- Hameed Al Odwan. (2012).The effect of the directed reading thinking activity through cooperative learning on English secondary stage students' reading comprehension in Jordan. *International Journal of Humanities and Social Science*, 2 (16), 138-151.
22. Arini, S., dan Putri, P. N. (2019). Pengaruh Strategi Directed Reading Thinking Activity (DRTA) Berbantuan Media Flip Chart Terhadap Keterampilan Membaca Pemahaman. *Jurnal Pendidikan Guru Sekolah Dasar Universitas Pendidikan Ganesha Singaraja, Indonesia*, 3 (2) : 1-9
23. Aulia Rahman dan Akhyak. (2013). The Efectiveness of directed reading thingking activity strategy in reading comprehension of narrative text at the first semester STAIN Tulungagung. *Jurnal Dinamika Penelitian*, 13 (2), 171-183.
24. Bawani C. (2021). Aplikasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Dalam Bandar Seremban. *MJSSH*, 5 (4), 150-156.
25. Rosdaliana. (2017). Peningkatan Keterampilan Membaca Intensif Melalui Penggunaan Strategi Directed Reading Thinking Activity (DRTA) Pada Siswa Kelas 4 Sd Negeri 1 Bengkalis Kecamatan Bengkalis Kabupaten Bengkalis. *Akademia*, 13 (2), 138- 144.
26. Devi Setyarini & Nyoto Hardjono. (2019). Upaya Meningkatkan Hasil Belajar Tema 8 Pada Muatan Bahasa Indonesia Dengan Menggunakan Strategi Directed Reading Thinking Activity (DRTA) Di Sd Negeri Banyubiru 05. *Jurnal Basicedu*, 3 (2), 773-787.

27. Mageswary K. & Kannaddasan, S. (2021). Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran Dan Pemudahcaraan Bahasa Tamil. *MJSSH*, 5 (3), 202-209.
28. Muhammad Rafi (2020). Menyemarakkan Keseronokan Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Melalui Aplikasi Legenda Singapura. *MJSSH*, 4 (2), 1-16.
29. Norfaneliza M. E., Looi Lay Hoon & Wong Hei Mee (2020). Kesan Teknik Permainan Dalam Pembelajaran Mengenal Perkataan Bahasa Cina Murid Tahun Satu. *MJSSH*, 4 (3), 5-16.